

09/12/1997

Isu ekonomi: Penerangan bersepadu

Kamal Ahmad

SUBANG, Isnin - Gerakan penerangan bersepadu membabitkan semua jentera penyiaran kerajaan dan swasta serta media cetak akan dilakukan untuk menjelaskan kepada orang ramai mengenai tujuan langkah drastik kerajaan menangani masalah ekonomi sekarang.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata pertemuan khas membabitkan ketua Jabatan Penerangan dan Penyiaran dari seluruh negara, wakil stesen penyiaran swasta serta media cetak akan diadakan Jumaat ini, bagi tujuan itu.

Menurutnya, sebilangan rakyat masih keliru dan tidak faham dengan keadaan ekonomi negara sekarang serta tindakan kerajaan untuk memulihkan kegawatan akibat kejatuhan nilai ringgit sejak Julai lalu.

"Kempen penerangan itu perlu kerana ada langkah tidak popular yang mungkin dilakukan kerajaan dan menyentuh kedudukan orang ramai. Oleh itu, adalah penting rakyat diberi penjelasan sebaik mungkin supaya mereka faham bahawa krisis itu adalah masalah negara serta memerlukan pengorbanan semua pihak.

"Sebelum pengorbanan dilakukan oleh rakyat, mereka harus diberi penjelasan yang tepat dan terperinci. Dengan cara ini, rakyat akan faham dan memberi sokongan serta kerjasama," katanya selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Teheran dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, di sini pagi ini.

Mohamed berkata, Kementerian sedang menyusun bentuk penerangan yang akan dilakukan oleh seluruh jentera media terbabit.

Beliau berkata, Kementerian Penerangan juga akan mematuhi keputusan Kabinet untuk melakukan penjimatan sehingga 20 peratus.

Menurutnya, pembelian program terutama yang diimport akan dikurangkan RM40 juta menjadi RM160 mulai tahun depan berbanding RM200 juta sekarang. Ini penting kerana urusan jual beli kebanyakan bahan itu mengikut nilai dolar Amerika.

Bahan siaran tertentu, katanya, akan diulang siarannya kerana ia masih sesuai dan mempunyai nilai komersil untuk memperolehi penaja. Bagaimanapun, pemotongan itu tidak membabitkan banyak bahan tempatan.

(END)